

PM sampaikan Anugerah Francais Malaysia 2002

UM 13 JUN 2003
KUALA LUMPUR 12 Jun -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijadualkan akan menyempurnakan penyampaian Anugerah Francais Malaysia 2002 pada 12 Julai ini, kata Naib Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Datuk Nik Mohd. Ainin Nik Abdul Majid.

"Pada malam itu, kita akan member&an penghargaan kepada Perdana Menteri di atas kepimpinan dan sumbangannya dalam menggerakkan industri francais tanah air.

"Kita dijangka bakal mendengar amanat serta ucapan dasar beliau mengenai hala tuju, harapan serta komitmen kerajaan terhadap sektor francais," kata beliau lagi.

Nik Mohd Amin berkata demikian pada sidang akhbar niengenai Malam Anugerah Francais 2003 bersempena Anugerah Francais Malaysia 2002 di sini, hari ini yang bakal berlangsung pada 12 Julai ini.

Acara tahunan itu dianjurkan oleh MFA dengan sokongan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Dr. Mahathir yang juga penaung persatuan itu pernah menyampaikan anugerah yang sama pada acara seumpamanya yang nertama kali diadakan pada tahun 1998.

Acara yang sama seterusnya telah disempurnakan oleh timbalan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sekali gus memperlihatkan keseriusan kerajaan dalam mengangkat martabat industri francais di negara ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Anugerah, Syed Shaikh Syed Mohammad berkata, sebanyak 11 kategori anugerah dipertandingkan tahun ini.

Ia termasuk Anugerah Khas Media Individu yang menawarkan wang tunai RM1,000 kepada mana-mana artikel mengenai Pembangunan Perniagaan Francais di Malaysia yang disiarkan di dalam akhbar tempatan sebelum 30 Jun 2003.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung penganjuran malam berkenaan boleh diajukan kepada sekretariat MFA dengan menghubungi Lutfi atau Tamimi di talian 03-78771557 atau e-mel: secertmfa@tm.net.my